



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN



RALAT KENYATAAN TENDER

Merujuk kepada iklan kenyataan tender yang telah dikeluarkan pada 22 MEI 2022, adalah dimaklumkan bahawa terdapat pindaan IKLAN TENDER dan maklumat seperti berikut :

PINDAAN KEPADA IKLAN TENDER PRA KELAYAKAN

1. Dokumen Pra-Kelayakan akan dikeluarkan kepada wakil atau ejen yang kontraktor yang diberikuasa sahaja (surat wakil kuasa perlu dikemukakan semasa berurusan) untuk maksud ini wakil atau ejen kontraktor dikehendaki mengemukakan SIJIL ASAL dan Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB Serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ (Jika Berkenaan). Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen Pra-Kelayakan tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.
2. Petender **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Tender ini sekiranya Petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Petender yang mengemukakan surat “Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan” atau surat “Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah” yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**
3. Dokumen Pra-Kelayakan boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, 15 JUN 2023 (KHAMIS) Tender No. JLN/T/01/2023 dan Jabatan Landskap Negara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui Pos. Jabatan Landskap Negara juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.

*Jenis Pendaftaran:

T1 – Syarikat 100% milik warganegara.

A1 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.